

Perumahan mampu milik jaminan keselamatan sosial rakyat



Pengarah & Pensyarah, Institut Penyelidikan Indonesia, Thailand dan Singapura, Sekolah Kerajaan, Universiti Utara Malaysia

Oleh Dr Nor Suzylah Sohaimi
bhrencana@bh.com.my

Keselamatan sosial sering dirujuk sebagai program atau dasar kerajaan dibentuk untuk menyediakan sokongan kewangan dan sosial kepada rakyat. Sebagai contoh, bantuan tunai segera dengan pelbagai nama dilancarkan kerajaan sebelum ini untuk menjamin keselamatan sosial rakyat.

Matlamat utama keselamatan sosial adalah untuk menggalakkan keselamatan ekonomi dan mengurangkan kemiskinan dengan menawarkan jaringan keselamatan serta perkhidmatan.

Perumahan adalah aspek penting dalam jaringan keselamatan sosial negara. Antara isu terkait dengan perumahan sebagai jaminan keselamatan adalah ketidakmampuan perumahan dan gelandangan.

Perumahan mampu milik berkait rapat dengan keselamatan sosial kerana memberi kesan secara langsung kepada kesejahteraan dan kualiti kehidupan rakyat untuk menampung kos perumahan.

Bagaimanapun, BH baru-baru ini, melaporkan harga kediaman di semua negeri di Malaysia kekal di luar kemampuan kebanyakan isi rumah atau dalam erti kata lain 'sangat tidak mampu dimiliki', mengikut penganalisis.

Ia disebabkan harga rumah tinggi, menjangkaui kemampuan kewangan isi rumah, meskipun wujud skim jaminan pinjaman perumahan.

Pendekatan sering digunakan untuk mengukur kemampuan perumahan adalah Gandaan Median. Pendekatan menilai pasaran perumahan, terutama di bandar dengan menjelaskan sesebuah rumah dianggap tidak mampu dimiliki jika harga melebihi

tiga kali pendapatan tahunan individu.

Oleh itu, kebarangkalian untuk memenuhi keperluan seperti pendidikan, pengangkutan, kesihatan dan keperluan isi rumah lain turut terjejas jika menanggung kos rumah tinggi. Ia ditambah dengan kos sara hidup semakin tinggi akibat kenaikan gaji pekerja tidak selari kenaikan harga barang keperluan.

Perumahan mampu milik menyediakan kestabilan ekonomi untuk rakyat kerana pemilihan rumah berfungsi sebagai jaringan keselamatan kritikal ketika krisis peribadi atau ekonomi seperti kehilangan pekerjaan, kecacatan atau kemerosotan kesihatan.

Jika rakyat menikmati kos perumahan mampu milik, mereka mempunyai lebih pendapatan boleh guna untuk keperluan lain seperti membeli makanan, penjagaan kesihatan, pendidikan dan simpanan.

Di samping itu, akses kepada perumahan mampu milik membolehkan rakyat mengambil bahagian dalam ekonomi seperti meningkatkan keupayaan mereka bekerja dan menyumbang pertumbuhan ekonomi.

Kurangkan kadar kemiskinan

Perumahan mampu milik juga boleh mengurangkan kadar kemiskinan dengan menghalang rakyat daripada membelanjakan sebahagian besar pendapatan mereka untuk perumahan. Kestabilan kewangan ini menyumbang kepada keselamatan sosial dengan mengurangkan keperluan untuk bantuan kerajaan dan jaringan keselamatan sosial.

Perumahan mampu milik adalah asas keselamatan sosial dan memerlukan pelbagai mekanisme seperti menggabungkan dasar,

sokongan sosial dan pembangunan perumahan.

Justeru, penyelesaian harus disesuaikan dengan konteks tempatan dan dinilai secara berterusan untuk memastikan keberkesanannya mencapai keselamatan sosial serta kestabilan perumahan.

Antaranya membina perumahan baharu mengikut keperluan jangkaan demografik di sesuatu kawasan. Kajian pasaran dan analisis demografik secara menyeluruh ini membabitkan data pertumbuhan penduduk, taburan umur, tahap pendapatan, jenis pekerjaan dan saiz isi rumah.

Kajian pasaran ini bukan hanya dilaksanakan pemaju, tetapi harus dijalankan agensi kerajaan untuk memastikan pembangunan perumahan menepati keperluan rakyat.

Perumahan sebagai keselamatan sosial menjadi elemen penting dalam kestabilan ekonomi, kesejahteraan sosial dan keterjaminan kualiti kehidupan. Rakyat mempunyai akses kepada perumahan mampu milik dan stabil menjadikan rakyat berdaya saing, selamat dan mengurangkan risiko ketidakpastian kehidupan.

